

23 JAN 1997

AGONG BERBUKA PUASA BERSAMA PERDANA MENTERI DI ISTANA NEGARA

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar petang ini berbuka puasa bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri-menteri kabinet di Istana Negara.

Turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong, Tuanku Najihah dan isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Antara Menteri yang hadir ialah Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamad dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abu Bakar Mustapha serta isteri masing-masing.

Majlis itu juga turut dihadiri duta-duta asing yang bergama Islam dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Yang di-Pertuan Agong serta hadirian kemudian menunaikan solat jemaah Maghrib, Isak dan solat sunat terawih. -- BERNAMA

HT PR